

D.R. 12/93

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bermama

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

[]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan Fasal (4) Perkara 76 dan mengikut Perkara 79 Perlembagaan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan—

(a) bagi mula berkuatkuasanya Akta ini di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan; atau

(b) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan; atau

- (c) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan di bahagian-bahagian di Malaysia yang berlainan.

Pindaan
seksyen 3.
Akta 133.

2. Seksyen 3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif "bangunan" takrif baru yang berikut:

' "betung" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993;';

- (b) dengan memasukkan selepas takrif "orang" takrif baru yang berikut:

' "paip sambungan persendirian" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993;'; dan

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "siar kaki" takrif baru yang berikut:

' "sistem pembedungan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993;';

Pindaan
seksyen 46

3. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan ", betung" dalam perenggan (b) subseksyen (1).

Pindaan
Bahagian III

4. Bahagian III Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "BETUNG DAN" dalam subtajuk.

Pemotongan
seksyen 49

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 49.

Pindaan
seksyen 51

6. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "betung," dalam nota birai, subseksyen (1) dan perenggan (d) dan (e) subseksyen (4);

- (b) dengan memotong perkataan “atau lain-lain betung itu” dalam subseksyen (1); dan
- (c) dengan memotong perkataan "betung," dalam subseksyen (3).

7. Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 53

- (a) dengan menggantikan perkataan “betung-betung” dalam nota birai subseksyen (1) dengan perkataan “parit air permukaan dan parit hujanlebat, dsb”;
- (b) dengan memotong perkataan "betung dan" dalam subseksyen (1); dan
- (c) dengan memotong perkataan "betung," dalam subseksyen (3).

8. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 54.

- (a) dengan menggantikan perkataan “betung-betung” dalam nota birai dengan perkataan "parit air permukaan dan parit hujanlebat, dsb";
- (b) dengan memotong perkataan "betung awam," dalam subseksyen (1); dan
- (c) dengan memotong perkataan "betung," dalam subseksyen (2).

9. Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 55.

- (a) dengan menggantikan perkataan "betung awam" dalam nota birai subseksyen (1) dengan perkataan “alur atau anak sungai”;
- (b) dengan memotong perkataan “betung-betung atau” dan "awam" dalam perenggan (a) subseksyen (1);
- (c) dengan memotong perkataan "atau betung" dalam perenggan (b) subseksyen (1); dan
- (d) dengan memotong perkataan "atau betung" di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

Pindaan
seksyen 58.

10. Seksyen 58 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “pihak berkuasa tempatan” dalam perenggan (a) subseksyen (3) perkataan “dan yang mematuhi Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993”;
- (b) dengan memasukkan rujukan birai “*Akta .*” bersementaraan dengan rujukan kepada Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993;
- (c) dengan memotong subseksyen (9); dan
- (d) dengan memotong perkataan “betung,” “tangki najis,” dan “loji pembersihan kumbahan,” di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (14).

Pemotongan
seksyen 60,
62, 63 dan 64

11. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 60, 62, 63 dan 64.

Pmdaan
seksyen 70.

12. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(2) Seseorang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah mengemukakan—

- (a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini; dan
- (b) kepada pihak berkuasa berkanun yang relevan apa-apa pelan dan penentuan berkenaan dengan sistem pembedugan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.”.

Pindaan
seksyen 77.

13. Seksyen 77 Akta ibu adalah dipinda

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “betung” dalam nota birai perkataan “awam,”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “betung awam,” dalam seksyen itu perkataan “paip sambungan persendirian,”.

14. Seksyen 81 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1)— Pindaan

- (a) dengan memotong perkataan “betung atau”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “mengalirkan kumbahan” dengan perkataan “menyalirkan air selain daripada kumbahan”.

15. Seksyen 132 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “betung,” dalam subseksyen (1). Pindaan seksyen 132.

16. Seksyen 133 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 133.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “talian letrik” dalam perenggan (i) perkataan “(selain daripada betung)”;
- (b) dengan memotong perenggan (vii);
- (c) dengan memotong perkataan “membina, menyenggara dan membaiki penakung najis, tandas, tangki najis, loji pembersih kumbahan dan lain-lain perkara berhubung dengan penerimaan atau pembuangan kumbahan dan” dalam perenggan (viii);
- (d) dengan memotong perkataan “dan penghubungannya kepada betung-betung” dalam perenggan (xviii); dan
- (e) dengan memotong perkataan “peruntukan penakung najis, tandas, tangki najis, loji pembersih kumbahan dan lain-lain perkara berhubung dengan penerimaan atau pembuangan kumbahan dan” dalam perenggan (xix).

17. Bagi mengelakkan was-was dengan ini ditegaskan bahawa walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, undang-undang yang berhubung dengan perkhidmatan pembetulan yang pada masa ini berkuatkuasa dalam kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah terus berkuatkuasa melainkan jika dan sehingga Akta ini mula berkuatkuasa bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu. Kecualian.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan istilah-istilah yang digunakan dalam Akta.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 46 Akta dengan memotong perkataan "betung" kerana ia dianggap tidak perlu.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda Bahagian III Akta dengan memotong perkataan "BETUNG DAN" berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993.

6. *Fasal 5* bertujuan memotong seksyen 49 Akta. Oleh itu, pihak berkuasa lempatan tidak lagi bertanggungjawab untuk membina dan menyenggara sistem pembetulan.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 51 Akta dengan memotong perkataan "betung" kerana ia dianggap tidak perlu.

8. *Fasal 7, 8 dan 9* bertujuan meminda seksyen 53, 54 dan 55 Akta dengan memotong perkataan "betung", "betung awam", "atau betung", dsb. kerana ia dianggap tidak perlu.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 58 Akta berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993.

10. *Fasal 11* bertujuan memotong seksyen 60, 62, 63 dan 64 Akta berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 70 Akta. Ia memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang bercadang membina apa-apa bangunan hendaklah mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai pelan dan penentuan bangunan itu.

12. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 77 Akta dengan memasukkan perkataan "paip sambungan persendirian" berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993.

13. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 81 Akta berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993.

14. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 132 Akta dengan memotong perkataan "betung" kerana ia dianggap tidak perlu.

15. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 133 mengenai kuasa membuat undang-undang kecil. Oleh itu, Pihak Berkuasa Negeri tidak lagi mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa undang-undang kecil berkenaan dengan perkhidmatan pembedungan.

16. *Fasal 17* mengandungi peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1759.]